

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 SEPTEMBER 2016

HASRAT DR M BEKERJASAMA DENGAN ANWAR

# Dengan Kiat Siang boleh, mengapa tidak dengan Anwar: Dr M

BH - 10/6/2016

→ PPBM mahu pembangkang bersatu, menang PRU

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

**B**ekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pakatan pembangkang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), berkata parti berkenaan juga akan berusaha supaya

parti pembangkang di negara ini bekerjasama bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

“Jika saya boleh bekerjasama dengan Lim Kit Siang (Penasihat DAP), kenapa tidak dengan Anwar,” katanya pada sidang media selepas mengiringi bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Presiden PPBM ke pejabat Pendaftaran Pertubuhan (ROS) di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, kegagalan parti pembangkang bersatu me-

nyebabkan mereka tidak pernah berjaya mengambil alih kerajaan sejak 59 tahun lalu.

## Parti ikut kehendak rakyat

Sementara itu, Muhyiddin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan ROS kerana memberi kelulusan penubuhan PPPM dalam masa 30 hari seperti dijanjikan.

Katanya, parti terbabit sudah menerima surat kelulusan secara



Dr Mahathir bersama Muhyiddin menunjukkan surat kelulusan pendaftaran PPBM di pejabat ROS di Putrajaya, semalam.

rasmi semalam, selepas mengemukakan surat penjelasan mengenai tanggungjawab Pengerusi dan Presiden seperti yang diminta oleh ROS.

“Tujuan kita memasukkan (dua jawatan berkenaan) dalam perlembagaan adalah bagi mengadakan *check and balance* supaya parti ini telus dan dilihat mengikut kehendak rakyat.

“Selain itu, borang permohonan keahlian PPBM akan diagihkan bermula 14 September ini ke seluruh negara dan boleh juga dibuat

secara atas talian mulai minggu ketiga bulan ini.

## Tak tetap jumlah ahli

“Kita tidak menetapkan sasaran jumlah ahli tetapi berdasarkan tinjauan dan maklum balas, saya harap kita akan menerima jumlah (ahli) yang besar,” katanya.

Muhyiddin berkata, mesyuarat agung PPBM bagi pemilihan kepemimpinan parti hanya akan diadakan pada tahun depan kerana tempoh kewangan bagi 2016 sudah hampir berakhir.